

Senegal minta sokongan majukan dua projek mega

11 SEP 2000

PUTRAJAYA, Khamis – Senegal hari ini meminta sokongan dan kerjasama Malaysia bagi membangunkan pusat pentadbiran serta lapangan terbang baru negara itu selain ingin mempelajari cara negara membangunkan ekonomi.

Hasrat ini disampaikan Presiden Senegal, Abdoulaye Wade, kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada pertemuan tertutup dan mesyuarat dua hala delegasi masing-masing di Pejabat Perdana Menteri di sini, petang ini.

Bercakap pada sidang akhbar kemudian, Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Leo Michael Toyad, berkata Senegal amat tertarik dengan kejayaan negara membangunkan Putrajaya dan ingin mempelajari pengalaman Malaysia.

"Mereka mempunyai pereka sendiri tetapi ingin mendapatkan nasihat pereka kita kerana mereka tidak mahu melakukan kesalahan," katanya sambil menambah Malaysia bersedia menawarkan khidmat juru perunding jika diminta Senegal.

Abdoulaye yang tiba di sini semalam bagi lawatan negara pertamanya selama tiga hari, mengetuai rombongan 28 anggota terdiri daripada pegawai kerajaan, wakil swasta dan media.

Pagi tadi, Abdoulaye diberi sambutan penuh istiadat di Medan Parlimen di mana beliau disambut Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail Putra, dan Perdana Menteri.

Dr Mahathir kemudian membuat kunjungan hormat terhadap Abdoulaye di hotel penginapannya di ibu negara. Malam ini, Abdou-

laye diraikan Yang di-Pertuan Agong pada jamuan negara di Istana Negara.

Toyad berkata, pada pertemuan petang ini, Abdoulaye bertanyakan kepada Dr Mahathir mengenai cara Malaysia membangunkan ekonomi daripada yang berasaskan komoditi kepada perindustrian.

"Perdana Menteri kemudian menjelaskan secara panjang lebar cara kita membangunkan industri dan ekonomi kita sehingga ke tahap hari ini," katanya.

Toyad berkata, Dr Mahathir juga menjemput Abdoulaye menghadiri mesyuarat Pertubuhan Negara-negara Berkecuali (NAM) pada Februari tahun depan dan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober tahun depan yang akan dipengerusikannya.

Toyad berkata, Senegal juga meminta kerjasama Malaysia dalam pembinaan lapangan terbang baru serta pengeluaran tayar di negara itu.

"Mereka juga mengadakan perjanjian dengan Pihak Berkuasa Pelabuhan Klang bagi membangunkan pihak berkuasa pelabuhan mereka di Dakar," katanya.

Mengenai perdagangan di antara kedua-dua negara, Toyad berkata, Malaysia akan lihat bidang yang boleh dipertingkatkan termasuk mengimport lebih banyak barangan selain kapas, serta pembabitatan syarikat Malaysia dalam industri tekstil di negara itu.

Jumlah perdagangan di antara Malaysia dan Senegal hanya berjumlah RM9.15 juta tahun lalu dan RM6.74 juta pada 2000.